



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 18 BILANGAN 28 RABU 11HB. JULAI, 1973. 1393 رابو 10 جمادي الاخير PERCHUMA

Perchaya atas kebolehan sendiri, jangan berharap kepada bangsa2 lain

INGATAN Pmk M.B. KAPADA RAAYAT BUMIPUTERA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail mengingatkan raayat bumiputera supaya perchaya atas kebolehan sendiri dan hendaklah berdiri di atas tapak kaki sendiri tanpa bersandar kepada bangsa2 lain.

Dengan berbuat demikian, sabda Yang Amat Mulia itu, bangsa Brunei yang menghargai tenaga dan usaha mereka sendiri akan dapat menjamin kestabilan ekonomi negara di samping dapat meletakkan Brunei sa-bandung dengan negara2 yang maju di dunia.

Pemangku Menteri Besar telah bersabda demikian ketika mengulas satu pendapat salah sa-orang peserta di-majlis dailog yang di-adakan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Majlis dailog itu telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pemangku Menteri Besar bersabda, untuk menuju ke arah satu masyarakat Brunei moden dan bersatu padu, langkakah2 patutlah di-ambil oleh raayat bumiputera dengan melibatkan diri mereka sa-chara langsung di-bidang2 perniagaan dan perusahaan tanpa mengharakan tenaga2 luar.

Hingga sa-takat ini Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memberi sa-penoh2 galakan kepada raayat bumiputera untuk mengendalikan sendiri apa jua jenis perusahaan yang di-fikirkan perlu demi kemajuan pembangunan masyarakat dan negeri ini.

(Lihat muka 8)



D.Y.M.M. bertitah sa-belum merasmikan masjid baru Kampung Tanjong Maya.

D.Y.M.M. merasmikan masjid Tanjong Maya

TANJONG MAYA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Sir Muda Hassanah Bolkih Mu'izzaddin Waddaulah telah berangkat ka-Mukim Tanjong Maya, di-Daerah Tutong pada hari Jumaat lepas untuk merasmikan pembukaan Masjid Tanjong Maya.

Sa-belum merasmikan pembukaan masjid tersebut, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah bahawa dengan terbina-nya masjid baru itu maka Kerajaan Baginda telah berjaya mencapai satu detik kemajuan lagi dalam usaha-nya untuk memperkukuhkan lagi dan menyebarkan shi'ar Islam yang maha suci lagi benderang kaseluruh pelusok tanah ayer.

Dengan penoh keikhlasan Baginda berharap semoga masjid itu dapat di-gunakan dengan sebaik2-nya bersesuaian dengan hukum dan ajar2an Allah Subhanahu-Wata'ala dan akan dapat di-jadikan tumpuan bagi amal ibadat yang salih lagi sempurna.

Baginda telah menyeru penduduk mukim itu khusus-nya yang beragama Islam supaya menjaga kehormatan masjid yang baru dan indah itu serta menunaikan tanggung-jawab semata2 kerana Allah.

Akhir-nya Baginda telah menyeru kepada penduduk2 di-setiap mukim supaya senantiasa memberikan kerjasama kepada Kerajaan Baginda dan pasokan keselamatan yang bertugas supaya keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati sa-lama ini dengan izin Allah akan dapat terjamin untuk selama2-nya.

Titah Baginda sepenoh-nya adalah seperti berikut:

"ALHAMDULILAH beta bersyukur ka-hadharat Allah Subhanahu-Wata'ala dan mengucap selawat serta salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. serta pengikut2 dan kerabat2 baginda yang setia.

Beta amatlah berbesar hati dengan ingatan baik Jawatankuasa Tertinggi Masjid Tanjong Maya kerana menjemput beta hadir di-majlis ini dan melakukan pembukaan rasmi bangunan baru masjid di-Tanjong Maya ini.

Dengan terbina-nya masjid baru ini, maka Kerajaan beta telah berjaya mencapai satu detik kemajuan lagi dalam usaha-nya untuk memperkukuhkan dan menyebarkan shi'ar Islam yang maha suci lagi benderang kaseluruh pelusok tanah ayer.

(Lihat Muka 8)

Pmk. M.B. kesal terhadap gulungan intelek tidak dapat memberi fikiran utk di-jadikan bahan penyusunan RKN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail telah melahirkan rasa kesal-nya terhadap gulungan intelektual terdiri dari pemuda dan pemudi di-Bandar Seri Begawan kerana tidak hadir dan tidak dapat memberikan pandangan dan buah fikiran mereka melalui majlis dailog untuk di-jadikan bahan penyusunan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru.

Pemangku Menteri Besar telah bersabda demikian di-majlis dailog yang di-adakan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan pada hari Ahad lepas.

Yang Amat Mulia bersabda,

itu-lah sebab-nya majlis dailog sengahaja di-adakan di-Bandar Seri Begawan dengan harapan banyak para intelektual akan tampil ke hadapan memberikan pendapat2 dan buah fikiran mereka.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara menekankan, Kerajaan berkehendakkan fikir-an2 yang sehat dan waras dari penduduk2 yang berpelajaran di-negeri ini tetapi peluang2 ka-emasan melalui majlis dailog tidak di-gunakan dengan baik-nya untuk menyampaikan pendapat2 mereka.

Ketika mengulas satu pendapat mengenai buroh, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menyakinkan bahawa buroh2 Kerajaan mempunyai gaji yang tinggi di-Bru-

(Lihat muka 5)

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM

Ahli2 MMN di-seru supaya menyebarkan usaha2 kerajaan kepada seluruh rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah menyeru ahli2 Majlis Meshuarat Negeri supaya menyebarkan usaha2 kerajaan yang sebenar-nya kepada seluruh rakyat di-negeri ini.

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah membuat seruan demikian kepada sa-rombongan sembilan orang ahli Majlis Meshuarat Negeri yang membuat lawatan ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan untuk melaksanakan tugas2 di-jabatan itu pada hari Sabtu lepas.

Rombongan itu telah di-ke-tuai oleh Jurutulis Majlis Meshuarat Negeri, Awang Judin bin Asar.

Dalam lawatan itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan telah menegaskan bahawa mereka haruslah mengetahui usaha2 kerajaan sama ada projek2 yang akan di-laksanakan atau yang telah di-laksanakan oleh kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam mana rakyat di-galakan meng-

gunakan sepenoh-nya kemudahan2 yang telah di-sediakan itu.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan memuji inisiatif ahli2 Majlis Meshuarat Negeri kerana membuat lawatan2 seperti itu termasuk lawatan ka-jabatan2 kerajaan yang di-harapkan akan dapat memberikan sumbangan yang besar erti-nya bagi kelancaran perkembangan dan kemajuan negara.

Lawatan2 seperti itu, boleh di-jadikan sandaran yang kukuh ketika mereka mendapatkan satu2 chadangan atau pandangan yang membina dan Majlis Meshuarat Negeri.

Yang Berhormat itu juga telah menerangkan beberapa perubahan yang berlaku dalam pentadbiran kerajaan demi untuk melicinkan lagi jentera pentadbiran bagi mengimbangkan keadaan yang ada sekarang.

Melalui ahli2 Majlis Meshuarat itu, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan berharap supaya mereka dapat memberi tahu kepada anak2 buah mereka bahawa kerajaan pada masa ini telah mengambil tindakan bagi memberikan peluang2 pekerjaan kepada rakyat bumiputera dan kerajaan juga telah di-yakinkan oleh pihak sektor2 persendirian bahawa mereka akan memberikan keutamaan pekerjaan kepada anak2 tempatan yang berkelayakan sa-hingga kepada perengkat pengurus.

Dengan peluang2 yang dibukakan itu, Yang Berhormat itu berharap supaya anak2 tempatan akan dapat mengubah sikap dari sekarang untuk bersedia bekerja di-sektor2 persendirian.

Bagaimana pun, Yang Berhormat itu juga mengalu2kan tenaga2 dan pemodal2 asing luar negeri dengan syarat mereka tidak hanya memikirkan perniagaan mereka tetapi adalah di-harapkan mereka dapat mengambil bekerja dan melatah anak2 negeri ini yang tidak semata2 mengambil keluarga2 mereka sendiri dari luar negeri.

Rombongan itu kemudian melawat ka-Bahagian Perangkaan Unit Peranchang Ekonomi dan menyaksikan bagaimana data2 perangkaan yang sedang di-proses di-pejabat tersebut.

Rombongan itu juga telah melawat ka-Pejabat Buroh di-Bandar Seri Begawan dan telah di-beri penerangan2 ringkas mengenai tugas2 di-jabatan itu.



PEGAWAI Kebajikan Masharakat, Datin Hajjah Zahrah bte. Haji Idris telah menerima derma sa-banyak \$300.00 dari Sharikat Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan sa-bagai sumbangan untuk mangsa2 kebakaran di-Kampung Ayer.

Derma tersebut di-sampaikan oleh Pengarah Sharikat itu Awang Serail bin Mohamed Salleh, dan di-saksikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awg. Salleh bin Haji Masri (kanan), Setia Usaha Agong Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan, Yassin bin Awang Mohamed Said dan Setia Usaha Sharikat Kesatuan itu Awang Mansor bin Jaludin (gambar atas).

PERANGKAB anjorkan peraduan menulis skrip drama

BERAKAS. — Persatuan Angkatan Perpindahan Kampung Burong Pingai Berakas — PERANGKAB akan meng-anjorkan peraduan menulis skrip drama terbuka kepada semua penulis2 tempatan seluruh negeri atau kepada penulis2 yang berhak menjadi warganegara Brunei.

Sa-orang juruchapak jawatankuasa penganjor berkata peraduan menulis skrip drama itu di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu bentok moden dan bentok lama.

Bentok moden berthema-kan Rancangan Kemajuan Negara yang baru dan bentok lama mengenai sejarah kechemerlangan Brunei purba.

Tujuan di-adakan peraduan itu ia-lah bagi menggalakkan penulis2 tempatan untuk menggembarakan identiti Brunei yang positif terhadap kehidupan, pemikiran dan alam sekeliling negeri ini.

Pemenang pertama dalam peraduan itu akan menerima hadiah wang tunai sa-banyak \$500.00, kedua \$350.00 dan hadiah ketiga sa-banyak \$200.00

Dua hadiah kepada skrip drama terbaik masing2 di-beri sa-banyak \$100.00 sa-lain dari tiga lagi hadiah2 penghargaan.

Borang2 penyertaan dan sharat2 peraduan tersebut boleh di-dapati dari Awangku Metassan bin Pengiran Mohiddin di-Maktab SOAS, Che'gu Abdul Rahman bin Yusof di-Sekolah Melayu Lela Menchanai, Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Pejabat Kebajikan, Awang Alidin bin Othman, Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bandar Seri Begawan, Ag. Ahmad b. Ghafar di-Dewan Bahasa dan Pustaka dan Che'gu Sharbini bin Mohamed Yassin di-Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 31hb. Ogos hadapan.

Tarikh penerimaan di-lanjutkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tarikh penutup penerimaan bagi menyertai pertandingan memilih bakat anjoran Radio Brunei bagi tahun 1973 (Talentime) di-lanjutkan hingga 15hb. Julai.

Sa-orang juruchapak pihak penganjor peraduan Talentime itu berkata sambutan dari para peserta sa-jauh ini ada-lah menggalakkan.

Peraduan Talentime tahun ini ada-lah berlainan dari tahun2 sudah kerana tidak ada bahagian berasingan bagi peserta lelaki dan perempuan dalam nyanyian perseorangan, vokal, kumpolan atau instrumental.

Ini, kata-nya ada-lah sesuai dengan taraf peraduan Talentime antara bangsa dan dari itu mereka yang boleh menyanyi, bermain alat muzik atau berlawak jenaka boleh memasoki peraduan memilih bakat itu.

(Lihat Muka 3)

Harga baja naik

Ada-lah di-maalamkan untuk maaloman orang ramai, khas-nya peladang2 seluruh negeri ini, bahawa jenis baja "NITROPHOSKA BLUE SPECIAL" yang di-perbunkan 50% kepada peladang2, harga-nya telah naik menjadi **\$11.00 sa-kampit** dan bukan-nya \$8.88.

Jenis2 baja yang lain buat sementara ini masih sama harga-nya seperti biasa sa-hingga satu pengumuman lanjut akan di-ku-luarkan kelak.

Pertunjukan Pertanian Daerah Brunei/Muara

BANDAR SERI BEGAWAN. Jabatan Pertanian akan mengadakan Pertunjukan Pertanian sempena sambutan puja usia yang ke-27 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Daerah Brunei-Muara.

Pertunjukan itu akan di-adakan pada hari Ahad 23hb. September, 1973 bertempat di-kawasan Steshen Pertanian Kilanas.

Orang ramai, khas-nya peladang2 dan ahli2 tani di-Daerah Brunei/Muara yang ingin mengambil bahagian untuk menunjukkan hasil2 pertanian dan usaha2 mereka ada-lah di-minta bersedia dari sekarang untuk mempamerkan barang2 seperti berikut:

Padi, Beras, Jagong Anjalai. Berjenis2 buah2an tempatan yang di-usahakan seperti sayor2an berjenis buah dan berubi, berjenis2 ubi2an, ternakan lembu, kerbau, kambing, angsa, patu, itek dan ayam.

Pertunjukan itu tidak-lah termasuk perusahaan2 seperti perak, tembaga, besi, kayu ukiran, lukisan, sulaman dan masak2an.

DI-ANTARA matalamat utama Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei ialah untuk mewujudkan kemakmuran dan kebahagiaan kepada seluruh rakyat dan penduduk negeri ini dengan jalan memberikan berbagai kemudahan dan memberikan berbagai peluang pekerjaan kepada mereka. Niat suci Kerajaan Duli Yang Maha Mulia ini telah dan sedang di-laksanakan dari satu peringkat kasatu peringkat bagi membolehkan rakyat khususnya bumiputera negeri ini merebut peluang yang telah dan sedang di-bukakan atau di-salurkan itu dengan sebaik-baiknya.

Sa-bagai contoh pelaksanaan yang kita maksudkan itu antara-nya ialah tindakan kerajaan mengadakan pengambilan pekerja2 luar negeri serta membukakan atau menyalurkan berbagai2 pintu pekerjaan kepada anak2 tempatan di-berbagai2 bidang kegiatan ekonomi dalam negeri ini.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, dalam satu perjumpaan dengan pemimpin2 Dewan Perniagaan China pada 24hb. Jun yang baru lalu, antara lain telah menegaskan bahawa tujuan kerajaan mengeluarkan notis kepada pekerja2 asing untuk meninggalkan negeri ini dalam tempoh2 yang tertentu, bahawa kerajaan tidak berniat untuk menghalau pekerja2 asing itu, tetapi ada-lah sa-mata2 untuk mempraktikkan dasar2 bagi menjaga kepentingan rakyat, di-samping merupakan satu ujian kepada pekerja2 asing dan majikan itu dalam memastikan apakah kehadiran mereka itu sa-lama ini memberi faedah2 kepada ekonomi rakyat dan negara.

Berikutan dengan hal tersebut di-samping beberapa tindakan2 lain-nya maka terbuka-lah lebih banyak lapangan mata pencharian bagi anak2 tempatan negeri ini. Maka dengan itu terpulang-lah kepada mereka untuk merebut peluang2 yang terbuka itu de-

PELUANG BEKERJA UTK ANAK2 TEMPATAN TERBUKA LUAS



KHUTBAH JUMA'AT

ngan sa-baik2nya. Kalau benar2 anak2 tempatan mempunyai semangat bekerja, semangat untuk hidup dari hasil titek peloh sendiri dan semangat untuk memberikan sumbangan kepada kemajuan dan perkembangan negara, maka mereka harus-lah membentangkan semangat2 itu dengan memasoki apa sahaja lapangan pekerjaan yang halal kalau pun mereka belum mampu berusaha membuka perusahaan sendiri. Tetapi sekiranya maseh ada sikap memilih2 pekerjaan dan enggan memasoki lapangan pekerjaan yang bukan dengan kerajaan maka sudah tentu peluang2 yang terbuka itu tidak akan memberi arti apa2 dalam mengatasi masalah pengangguran di-negara kita.

Anak2 tempatan mesti-lah memandang jauh kedepan bahawa kemajuan dan perkembangan negeri ini ada-lah banyak bergantung kepada mereka. Dalam pembangunan negara, kita memerlukan orang2 yang berilmu, berkemahiran, berpengalaman serta bersikap dan bertindak sa-laras dengan kehendak2 pembangunan itu. Tetapi kalau semua ini tidak ada di-kalangan

anak2 tempatan, bagaimanakah kita akan dapat memajukan dan memperkembangkan negara kita sendiri, bagaimanakah kita akan berilmu kalau tidak belajar, bagaimanakah kita akan berkemahiran atau berpengalaman kalau kita tidak melateh diri kita dalam satu2 pekerjaan, bagaimanakah sikap dan tindakan kita akan berubah kalau kita sendiri tidak mengubah-nya.

Allah Subhanahu-Wataala menyuruh umat manusia itu bekerja untuk mendapatkan hasil yang berfaedah demi ketinggian dan kemuliaan. Allah juga sentiasa melihat segala pekerjaan sa-seorang dan diberi balasan atau ganjaran terhadap-nya di-hari kiamat.

Firman Allah Subhanahu-Wataala dalam surah Al-Tauba ayat 105 yang bermaksud:

"Bekerja-lah kamu, nanti Allah akan melihat pekerjaan kamu itu, begitu juga akan dilihat oleh Rasul-nya dan orang2 yang beriman dan kamu akan di-kembalikan kepada Allah yang maha mengetahui segala yang aib dan yang nyata dan di-kehabarkan-nya kepada kamu apa2 yang telah kamu kerjakan".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya anak2 tempatan negeri ini merebut peluang2 pekerjaan yang ada dengan tidak bersikap terlalu memilih2 asalkan pekerjaan2 itu dalam bentuk yang halal di-redhai Allah.

Wakil2 ka-perengkat negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Haji Munaf bin Hj. Ibrahim dari Kampong Saba Tengah dan Awang Alidon bin Haji Laidin dari Kampong Setia Pahlawan Lama masing2 telah menjadi johan dalam peraduan silat dan kuntau perengkat Daerah Brunei-Muara.

Kedua2 orang jagoh itu akan mewakili Daerah-Muara ka-peraduan silat dan kuntau perengkat negeri yang akan di-adakan pada 15hb. Julai di-Istana Darul Hana. sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan yang ke-27 tahun.

Peraduan silat dan kuntau perengkat Daerah Brunei-Muara itu telah di-adakan sa-lama dua malam berturut2 di-padang besar Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Sementara itu Awang Landok bin Minti dan Awang Mangau anak Unchuan, masing2 akan mewakili Daerah Belait ka-peraduan tersebut.

Awang Landok telah menjadi johan dalam peraduan kuntau dan Awang Mangau johan silat yang telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada minggu

Talentine

(Dari muka 2)

Pemilihan pertama di-jadualkan pada 5hb. Ogos sementara perengkat akhir akan di-langsungkan dalam bulan Oktober.

Pemenang pertama akan menerima satu tiket kapal terbang perchuma pergi ka-Lumpur dan balek hadiah dari MAS, kedua dan ketiga akan menerima tiket kapal terbang perchuma, masing2 pergi dan balek ka-Singapura dan Kuching hadiah dari Radio Brunei. Sa-lain dari itu piala2 bagi tempat pertama, kedua, ketiga dan bagi semua yang memasoki peraduan akhir juga akan di-hadiahkan oleh Radio Brunei.

Borang2 menyertai pertandingan talentine itu boleh didapati dari bahagian menerima tetamu Radio Brunei Bandar Seri Begawan atau dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan Kuala Belait.

Tafsir Darussalam siri ke-19

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majalah "TAFSIR DARUS SALAM" siri ke-19 terbitan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sekarang sudah terbit dan di-jual kepada orang ramai dengan harga 50 sen naskhah.

Dalam keluaran kali ini "TAFSIR DARUS SALAM" memuat antara lain2: Tafsiran dan huraian ayat (213) hingga (223) dari surah Al-Baqarah. Majalah tersebut boleh dibeli dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11hb. Julai, 1973 hingga ka-hari Selasa 17hb. Julai, 1973 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
11hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55 6-13
12hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55 6-13
13hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55 6-13
14hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55 6-13
15hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-40	4-55 6-13
16hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56 6-14
17hb.	Julai	12-31	3-51	6-42	7-53	4-41	4-56 6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



11hb. Julai, 1973.

CHEGAH MAKSIAAT

PENGHARAMAN Peraduan Ratu Chantek atau apa jua jenis peraduan yang di-sifatkan menjulok mata dalam sambutan Hari2 Perayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-seluruh negara bukan bermakna tidak meriahnya sambutan2 itu.

Kalau acara yang di-sifatkan menjulok mata itu terus di-haramkan, maka kita per-chaya banyak lagi acara2 menarek menggambarkan kesenian dan kebudayaan kita boleh menggantikan tempatnya seperti bermain gasing dan lain2 lagi.

Dengan berbuat demikian akan menimbulkan kembali banyak dari siriz kesenian dan kebudayaan kita yang hampir2 di-lupakan zaman.

Dalam hubungan itu, Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pg. Haji Ismail dalam amanat-nya baru2 ini telah menegaskan bahawa acara2 perayaan di-seluruh negara seberapa yang terdapat dan terupaya hendaklah di-asaskan menurut identiti Brunei yang sebenar-nya pada menuju ka-araf masyarakat Brunei yang berasaskan Agama Islam sa-bagai ideologi Negara dan Brunei sa buah Negara yang mempunyai teras kebudayaan dan adat istiadat-nya yang tersendiri sejak turun temurun.

Peraduan Ratu Chantek yang juga di-sulami dengan tari2 berdekup2 umpama-nya atau apa saja jenis tarian yang tidak senunoh pada pandangan mata sama sekali tidak menguntongkan kepada masyarakat bukan saja ia-nya mendatangkan pengaruh yang kurang sehat terutama sekali di-kalangan pemuda pemudi bahkan di-takuti menular kepada murid2 sekolah.

Acara yang berchurak 'tote' yang lazim-nya di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara lumba perahu juga telah di-haramkan dengan alasan2 yang sama.

Kedua2 acara itu saperti mana yang di-sifatkan oleh Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar merupakan 'cencer' dalam masyarakat yang harus 'di-lapihi' dan di-basmi dengan segera.

Apa yang perlu kita sumbangkan dalam perayaan itu ia-lah kita sa-bagai raayat yang taat setia yang mewarishi bumi Brunei ini memohon do'a restu kepada ilahi agar Raja kita yang di-kasehi sentiasa di-beri taufik dan hidayah semoga Baginda dalam keadaan sehat sejahtera, aman bahagia, kekal kekal memimpin raayat-nya ka-jalan kesentosaan hidup di-dunia mahupun di-dalam akhirat.

Dengan demikian orang ramai akan menyedari hakikat sebenar-nya bahawa di-samping kita turut bergembira di-hari2 puja usia D.Y.M.M. kita juga tidak lupa menyelitkan do'a.

Dengan sebab itu-lah sa-barang rupa bentuk yang bersifat kebudayaan kuning yang tidak menguntongkan haruslah di-hindarkan segera.

LEBEH \$6,500 DI-TERIMA UNTUK TABONG STADIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari \$6,500.00 telah di-terima o'leh Setia Usaha Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri sepanjang minggu la'u untuk tabong pembinaan stadium.

Derma yang terbesar di-terima ia-lah sumbangan dari Motor dan General Insurance Sendirian Berhad yang menderma sa-banyak \$3,000.00.

Derma tersebut telah di-sampaikan o'leh Awang Thomas Chia dan di-saksikan o'leh Awang Aziz Abdul Latif.

Tatkala menyampaikan derma tersebut, Awang Thomas Chia menyatakan bahawa derma itu ada-lah sa-bagai sumbangan permu'aaan itu-lahir dari perasaan ta'at setia mereka untuk menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Kesatuan Sekerja Pekerja2 Perubatan dan Kesihatan Brunei dan Badan Kesenian dan Kebudayaan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan masing2 telah menderma sa-banyak \$1,000.00.

Derma dari Kesatuan Sekerja Pekerja2 Perubatan dan Kesihatan telah di-sampaikan oleh Pengiran Mohiddin bin Pengiran Tajuddin manakala Awang Syed Hashim Abdul'ah Al-Habshi menyampaikan derma dari Badan Kesenian dan Kebudayaan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan.

Ketika menyampaikan derma itu, Pengiran Mohiddin telah menyatakan bahawa derma kesatuan itu ada-lah di-dorong oleh perasaan mereka yang sentiasa menjunjung titah dan menyebarkan ta'at setia mereka kepada kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Awang Syed Hashim pula menyatakan bahawa derma tersebut ada-lah hasil dari pengutipan pertandingan Juara Kugiran dan Bintang Pop antara Maktab2 dan Sekolah2 Menengah di-negeri ini dan juga derma itu ada-lah merupakan projek kali yang kedua bagi Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan sa-bagai menjunjung titah dan menanamkan semangat serta perasaan ta'at setia kepada Baginda Sultan di-kalangan penuntut2 dan melateh penuntut2 itu supaya sentiasa berusaha sendiri untuk mengadakan sesuatu projek bagi sesuatu pengutipan derma yang berkebakikan sa-umpama itu.

Sekolah St. Andrews, Bandar Seri Begawan telah menderma sa-\$815.79. Derma yang di-perolehi dari sa-bahagian hasil kutipan jualan pasar ria yang telah di-jalankan oleh sekolah itu telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengetua Sekolah itu, Awang George Koshy.

Sa-banyak \$202.55 di-terima daripada kumpulan penderma sa-banyak 38 orang yang di-sampaikan oleh Awang Selamat bin Kasmani dan Awang Mohammad Rafin bin Tawijaya sa-bagai menjunjung titah kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menumpukan ta'at setia mereka yang tidak berbelah bahagi kepada Baginda.

Sa-banyak \$154.00 di-terima dari penghuni2 rumah pangsa Jabatan Hal Ehwal Agama di-Batu Satu Jalan Tutong. Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Ustaz Abdul Kadir bin Awang.

Sa-banyak \$117.00 di-dermakan oleh Haji Nawang bin Ali dari Kampong Kiarong.

Penduduk2 Kampong Kiarong telah menderma sa-banyak \$95.50. Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Dato Ratna Haji Mohammad Jaafar.

Dato Ratna Awang Haji Mohd. Ja'afar berkata sumbangan yang itu tidak-lah dengan saperti-nya hanya mengikut sekadar yang terdapat dan sa-ikhlash2 hati yang di-dorong oleh ta'at setia bari menjunjung titah yang di-warisi dari datok nenek mereka.

Sa-banyak \$73.00 di-terima daripada kumpulan 10 orang penderma dari Kampong Tadungan, Limau Manis dan derma tersebut telah di-sampaikan oleh Awang Yuyok bin Yalui.



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menerima derma \$1,000.00 dari Dr. K.H. Blauw yang di-sampaikan oleh wakil-nya Awang Md. Yusof bin Taha baru2 ini — Gambar DBP.

Lain2 derma di-terima dari Sekolah Melayu Amar Pahlawan yang menderma sa-banyak \$60.00 dan Dyg. Libah binte Jalan dari Kampong Paya Senaraban, Limau Manis menderma sa-banyak \$25.00

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Dr. Haji Mohd. Jamil Al-Sufri telah mengucapkan terima kasih

dan penghargaan kepada penderma2 tersebut atas kesudian mereka yang bersungguh2 bagi menjunjung titah dan mengingati semangat dato nenek mereka yang sentiasa ta'at setia kepada Sultan sa-bagai suatu amalan yang turun-temurun.

Yang Berhormat itu yakin, semangat yang sa-demikian itu akan hidup subur di-kalangan raayat dan penduduk di-negeri ini.

“Belia Dlm Pembangunan Negara” thema seminar anjoran MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan 'seminar sa-lama dua hari di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan mulai 18hb. Ogos yang akan datang.

Seminar yang bertemakan 'Belia Dalam Pembangunan Negara' itu ia-lah bertujuan untuk memikirkan dan membincangkan peranan belia/beliawanis dalam Rancangan Kemajuan Negara yang baru.

Seminar itu juga bertujuan untuk:

- * menchari masaalah pembangunan sosial-ekonomi dan potensi2 yang boleh belia/beliawanis mainkan untuk pembangunan;

- * menchuba untuk menghuraikan satu fahaman dan asas pemeliharaan baru bahawa masaalah sosial-ekonomi dan kebudayaan dengan pelajaran dan politik negeri tidak boleh di-pisahkan daripada pergerakan belia;

- * menchuba menghuraikan dan menyelesaikan masaalah pengangoran di-kalangan belia dan

- * menchuba menyelesaikan sudut mustahak yang di-hadapi oleh belia/beliawanis dalam konteks kegiatan ekonomi dan sosial untuk pembangunan negara.

Tiga kertas kerja — Belia dan Kebudayaan, Belia dan Ekonomi dan Belia dan Pembangunan Masyarakat akan di-bincangkan dalam seminar itu nanti.

Seminar itu ada-lah terbuka kepada badan2 yang bergabung dengan MBB dan orang2 perseorangan yang chenderong dalam lapangan ini.

Tiap2 badan akan di-benarkan menghantar tidak kurang dari tiga orang dan tidak lebih dari enam orang peserta. Pemerhati2 ada-lah tidak di-hadkan ramai-nya.

Persatuan2 belia dan kebajikan yang belum lagi menerima borang2 untuk menyertai seminar itu boleh-lah berhubung dengan Ak. Md. Yusom bin Pg. Anak Hashim, di-Pejabat Kesihatan; Awang Ahmad bin Ghafar di-Dewan Bahasa dan Pustaka; Awang Metali bin Tahir di-Pejabat Talikom Kuala Belait; Awg. Musa bin Iden di-Sekolah Melayu Sengkarai Tutong atau Awg. Abu Bakar bin Haji Safar di-Pejabat Daerah Temburong.

Borang penyertaan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Julai.

Pmk. Setia Usaha ka-Temburong hari ini

PEMANGKU Setia Usaha Kerajaan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz dan rombongan akan berkunjung ka-Daerah Temburong hari ini untuk mengadakan lawatan2 rasmi ka-beberapa buah mukim di-daerah tersebut bagi meninjau perkembangan2 yang terdapat di-daerah itu.

Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan rombongan di-jangka berada di-Pekan Bangar pada sa-belah pagi dan sa-telah selesai lawatan2 itu, beliau dan rombongan akan berkunjung ka-Bokok untuk berdialog dengan penduduk2 di-sana dan sekitar-nya bagi meninjau pendapat2 untuk mengemkaskan penyusunan Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang baru.

Majlis dialog di-Bokok itu akan di-adakan di-Balai Raya mulai jam 2.00 petang.

Buroh2 harus berusaha bagi meninggikan taraf hidup

(Dari muka 1)

nei jika di-bandingkan dengan buroh2 di-negeri2 lain di-Asa. Bagaimana pun Yang Amat Mula itu menggarapkan supaya Buroh2 di-Brunei dapat berusaha dengan giat lagi untuk menampung mata pencarian bagi memperbaiki taraf hidup mereka.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar juga menjejaskan bahawa Majlis Mashurāt Negeri telah meluluskan peratoran2 dan undang2 yang berjalan kuat kuasanya awal tahun ini bagi mencegah terhadap gulongan yang menyalahgunakan kepentingan raayat.

Sebenarnya Kerajaan memang ada mempunyai dasar2 tertentu dalam perkara itu, tetapi terpaksa di-lakukan sa-chara diplomasi untuk memujuk raayat supaya sentiasa memetohi-nya.

Yang Amat Mulia bersabda, dengan ada-nya kuat-kuasa peratoran2 dan undang2 itu nanti membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tegas kepada siapa saja sama ada raayat atau bukn raayat.

Sabda-nya, apabila tindakan2 tegs di-ambil jangan-lah Kerajaan di-sifatkan sa-bagai 'Kuku Besi' tetapi sa-balek-nya ada-lah sa-bagai menyahut desakan raayat yang sabilangan besar-nya tidak mahu me-

lihat keadaan demikian berpanjangan.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika mengulas satu pendapat terhadap pelajaran di-sekolah2 rendah Melayu di-negeri ini telah menekankan bahawa dasar pelajaran yang berjalan di-sekolah2 itu sekarang ada-lah lebih menguntungkan.

Kata-nya, murid2 yang di-naikan tiap2 tahun dari darjah satu hingga darjah enam mempunyai sekatan apabila mereka sampai untuk mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan.

Sistem yang ada sekarang lebih menguntungkan daripada sistem dahulu dan chara demikian mendatangkan kesan yang baik yang ia-nya juga terus di-amalkan oleh negeri2 lain.

Berthabit dengan perkara itu,

Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan juga menyeru ibu bapa supaya mengambil perhatian berat terhadap pelajaran anak2 mereka kerana sa-lagi ibu bapa tidak memberi galakan seponohnya sa-lagi itu anak2 mereka tidak boleh meningkat maju dalam apa juga pelajaran di-sekolah.

Kata-nya, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memberi pelajaran perchuma dari sa-rendah2 pelajaran hingga sa-tinggi2 pelajaran kepada anak2 di-negeri ini, dengan sebab itu kata-nya, tanggung-jawab untuk menggalakkan anak2 mereka ada-lah menjadi tanggung-jawab bersama antara Kerajaan dengan ibu bapa.

Yang Berhormat menambah, tanggung-jawab ibu bapa ada-lah lebih baik dan lebih ringan jika di-bandingkan dengan negeri2 lain yang serba serbi-nya berkehendakan wang.

Mengulas satu pendapat mengenai alaan penuntut2 di-Sekolah Pertukangan Bangunan Jalan Muara, Pemangku Setia Usaha Kerajaan menjelaskan, sebenar-nya penuntut2 di-sekolah itu di-beri alaan sa-banyak \$45.00 sa-bulan sa-lain dari kemudahan2 tempat tinggal, makan dan minum di-beri dengan perchuma.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz juga mendzahirkan rasa kesal-nya terhadap tuduhan2 yang tidak berasas yang konon-nya Kerajaan melepaskan batok di-tangga terhadap kepentingan penuntut2 di-sekolah itu.

Yang Berhormat mengharapkan supaya sa-barang tuduhan jangan-lah bersifat setemen yang tidak usol pereksa sa-belum satu2 perkara itu di-buktikan terlebih dahulu kerana tuduhan2 yang salah boleh mengakibatkan perkara2 yang tidak di-ingini.

SUSUNAN RANCANGAN PERAYAAN HARI PUJA USIA D.Y.M.M.

BERIKUT ini ia-lah susunan rancangan perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei bagi Daerah Brunei-Muara sepanjang minggu ini.

Susunan rancangan untuk minggu hadapan akan di-siarkan dalam keluaran yang akan datang.

12hb. Julai, 1973

Jam 9.00 pagi hingga Jam 12.00 tengah hari. — Penerimaan Pokok2 Bunga untuk pertandingan Pertunjokkan Bunga2 Hidup di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Jam 1.00 petang hingga Jam 9.00 malam. — Penerimaan Bunga2 yang bergubah untuk pertandingan Pertunjokkan Bunga2 Hidup di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

13hb. Julai, 1973

Jam 6.00 pagi hingga Jam 8.00 pagi. — Penerimaan Bunga2 Hidup yang bergubah untuk pertandingan Pertunjokkan Bunga2 di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Jam 9.00 pagi hingga Jam 10.00 pagi. — Penghakiman Pertunjokkan Bunga2 Hidup dan Gubahan di-lakukan di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Jam 10.00 pagi hingga Jam 12.00 tengah hari. — Upacara Pembukaan dan meraikan Pertunjokkan Bunga2 Hidup yang di-raikan oleh Isteri2 Orang2 Kenamaan.

Jam 2.00 petang hingga Jam 6.00 petang. — Pertunjokkan Bunga2 Hidup di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan terbuka kepada orang ramai.

Jam 4.30 petang. — Perlawanan Bola Sepak di-antara Mukim2 Daerah Brunei dan Muara. Perlawanan Mukim Kilanas lawan Mukim Muara di-Padang Sekolah Melayu Sengkuring.

14hb. Julai, 1973

Jam 7.30 malam. — Perlawanan Bulu Tangkis di-antara Persatuan2 Belia, Kelab2 dan Maktab2 Sekolah2 Negeri Brunei di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

15hb. Julai, 1973

Jam 8.00 pagi hingga Jam 12.00 tengah hari dan Jam 2.00 petang

hingga Jam 6.00 petang. — Pameran Pertunjokkan Bunga2 Hidup di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan terbuka kepada orang ramai.

Jam 6.30 petang hingga Jam 12.00 malam. — Mula menyalakan api Pintu2 Gerbang, Berchuchul Bangunan2 Sharikat2 Perniagaan, Kedai2, Rumah2 Darat dan Kampong Ayer.

Jam 7.30 malam. — Perlawanan Bulu Tangkis antara Persatuan2 Belia, Kelab2 dan Maktab2 Sekolah2 Negeri Brunei di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam. — Persembahan Joget Moden di-Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam hingga Jam 11.30 malam. — Malam Aneka Warna Persembahan Persatuan PUSAKE, Sekolah Melayu SMJA, Persembahan Antara Bangsa, Joget Moden, Wayang Gambar dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Pundok2 Makan dan Minum, di-Padang Besar Bandar Seri Begawan dan Pementasan Wayang China di-Kawasan Tok Pikong, Bandar Seri Begawan.

16hb. Julai, 1973

Jam 8.30 pagi hingga Jam 5.00 petang. — Perlumbaan Perahu dan Motor Sangkut di-Sungai Brunei, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 hingga 12.00 tengah hari. — Pameran Pertunjokkan Bunga2 Hidup di-Dewan Bandaran, Bandar Seri Begawan terbuka kepada orang ramai.

Jam 2.00 petang hingga Jam 6.00 petang. — Membalekkan Bunga2 Gubahan2 Pertunjokkan Bunga2 Hidup.

Jam 2.00 petang. — Perarakan Peraduan Kerita/Basikal Berhias di-waktu Siang bermula dari Jalan Istana Darul Hana dan terus menuju dan mengelilingi Bandar Seri Begawan melalui Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty dan Jalan Elizabeth II dan berakhir di-depan Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan.

Jam 4.30 petang. — Perlawanan Sepak Takraw di-Dewan Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Jam 6.30 petang hingga Jam 12.00 malam. — Mula menyalakan Pintu2 Gerbang, Berchuchul Bangunan2 Sharikat2 Perniagaan, Kedai2, Rumah2 Darat dan Kampong Ayer.

Jam 7.30 malam. — Perlawanan Bulu Tangkis antara Persatuan2 Belia, Kelab2 dan Maktab2 Seko-

lah2 Negeri Brunei di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Jam 7.30 malam. — Perarakan Tanglong Berjalan Kaki dan Kereta/Basikal Berhias di-waktu malam bermula dari Padang Ong Sum Peng dan terus mengelilingi Bandar Seri Begawan melalui Jalan Sekolah, Jalan Tasek Lama, Jalan Kianggeh, Jalan McArthur, Jalan Elizabeth II, membelok ka-Padang Besar melintasi Pentas Diraja, membelok Jalan Chevalier, Jalan Pretty, dan berakhir di-dapan Mesjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam hingga Jam 11.30 malam. — Persembahan Malam Berchurak Ugama oleh Guru2 Ugama Daerah Brunei dan Muara di-Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam hingga Jam 11.30 malam. — Persembahan Aneka Warna Persatuan PERWIRA, Sekolah Menengah Chung, Hwa, Bandar Seri Begawan, Joget Morden di-Istana Darul-Hana, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam hingga Jam 11.30 malam. — Malam Aneka Warna Persembahan oleh Persatuan PERKASA, Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan, Persembahan Antara Bangsa, Joget Moden, Wayang Gambar dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Pundok2 Makan dan Minum, Pementasan Wayang China di-Kawasan Tok Pikong, Bandar Seri Begawan.

17hb. Julai, 1973

Jam 6.00 petang hingga Jam 12.00 malam. — Mula menyalakan api Pintu2 Gerbang, Berchuchul Bangunan2 Sharikat2 Perniagaan, Kedai2, Rumah2 Darat dan Kampong Ayer.

Jam 7.30 malam. — Perlawanan Bulu Tangkis antara Persatuan2 Belia, Kelab2 dan Maktab2 Sekolah2 Negeri Brunei di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Jam 7.30 malam. — Persembahan Joget Moden di-Istana Darul Hana, Bandar Seri Begawan.

Jam 8.00 malam hingga Jam 11.30 malam. — Malam Aneka Warna Persembahan Persatuan PAPP Sultan Lama, Sekolah St. George dan St. Andrew's, Persembahan Antara Bangsa, Joget Morden, Wayang Gambar dari Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Pundok2 Makan dan Minum di-Padang Besar, Bandar Seri Begawan dan Pementasan Wayang China di-kawasan Tok Pikong, Bandar Seri Begawan.

Belia2 Kg. Ayer bentok J/K bantuan kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan2 belia dan kebajikan di-Kampung Ayer telah membentok sa-buah badan untuk melancarkan kutipan derma bagi menolong mangsa2 kebakaran di-Kampung Ayer baru2 ini.

Badan yang di-beri nama Lembaga Pembinaan Rumah dan Bantuan Mangsa2 Kebakaran Kampung Setia Pahlawan bertujuan antara lain ia-lah berusaha untuk mendapatkan derma2 dari orang ramai, belia2 dan sharikat2 tempatan dengan apa jua chara yang di-fikirkan munasabah; dan akan bekerjasama sa-penoh-nya dengan pihak Kebajikan Masyarakat atau pihak2 lain yang berkenaan sahingga rumah2 mangsa itu terdiri dengan sempurna-nya.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz telah di-lantek menjadi Penaong Lembaga tersebut, manakala Pesuruhjaya Kebajikan, Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Salleh bin Haji Masri dan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain selaku Yang Di-Pertuan MBB, masing2 telah di-lantek menjadi Penaasehat.

Pengerusi: Awang Haji Abdul Aziz Juned; **Tim. Pengerusi** — Che'gu Thani bin Muhammad; **Setia Usaha** — Pg. Badaruddin bin Pg. Haji Damit; **Tim. Setia Usaha** — Awang Adinin bin Mayalin dan Awang Md. Yassin bin Said; **Bendahari** — Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim dan Awg. Sulaiman bin Puteh dan Ak. Tajiuddin bin Pg. Muhammad Kira2.

Lembaga itu juga telah melantek 36 orang yang mewakili 21 buah persatuan belia dan kebajikan di-Kampung Ayer sa-bagai ahli jawatankuasa.

Perarakan kereta berhias dan tanglong di-K.B.

KUALA BELAIT. — Perarakan kereta berhias dan tanglong berjalan kaki akan diadakan di-Kuala Belait pada 28hb. Julai sempena menyambut hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-27 tahun bagi daerah tersebut.

Perarakan itu terbuka kepada semua sekolah2, sharikat2 perniagaan, pemborong2, persatuan2, kampung2 dan jabatan2 di-Daerah Belait.

Perarakan itu ada-lah di-bahagikan kepada perarakan tanglong untuk sekolah2 menengah, sekolah2 rendah dan terbuka dan perarakan kereta berhias pula ada-lah bagi pejabat2 dan terbuka.

Pemenang2 dalam perarakan itu akan di-hadiahkan wang2 tunai dan piala2.

Sekolah2, sharikat2 perniagaan, pemborong2, persatuan2, kampung2 dan jabatan2 kerajaan ada-lah di-persilakan mengambil bahagian dalam perarakan itu bagi menambatkan lagi meriah-nya sambutan puja usia kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Tanglong berjalan kaki mesti-lah mempunyai peserta tidak kurang dari 30 orang dan tidak lebih dari 60 orang bagi tiap2 satu pasokan. Hanya empat orang guru di-benarkan untuk mengawal tiap2 satu pasokan bagi peserta yang terdiri dari murid2 sekolah.

Kereta berhias tidak boleh mempersembahkan sa-barang jenis tarian dan ada-lah di-tegah sama sekali bagi peserta2 perempuan untuk turut serta dalam perarakan kereta2 berhias itu.

Kereta2 berhias mesti-lah mempunyai ukuran tidak lebih dari 15 kaki tinggi dan 10 kaki lebar.

Latehan menembak

LUMUT. — Pasokan ke-enam Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles akan menjalankan latehan tentera dengan menggunakan peluru2 hidup di-kawasan antara Ulu Sungai Lumut dan selatan Sungai Mau pada 13hb. Julai.

Latehan itu terhad di-kawasan tersebut, dan jalan masuk ka-kawasan tersebut semasa latehan dijalankan akan di-kibarkan satu bendera merah sa-lain dari sa-keping papan kenyataan memberi amaran kepada penduduk2 di-kampung tersebut tentang bahaya-memasuki ka-kawasan itu.

Satu lagi bendera merah akan juga di-kibarkan di-jalan masuk ka-araf Jalan LNG ka-Badas yang telah pun di-istiharkan sa-bagai kawasan larangan.

Sementara itu Polis Diraja Brunei akan menjalankan latehan menembak dengan menggunakan peluru2 hidup di-hujung kawasan Pusat Latehan Pulis, Batu 6, Jalan Muara pada tiap2 hari sa-lama empat minggu.

Orang ramai di-nasehatkan supaya jangan menghampiri kawasan tersebut ketika latehan itu dijalankan.



Chatatan Perwira2 akan terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei akan menerbitkan sa-buah buku Chatatan Perwira2 dan Pembesar2 Brunei Bilangan Kedua tidak lama lagi.

Buku tersebut mengandungi kisah Awang Semaun, Raja Bendahara Sakam, Sultan Muhammad Hassan, Pehin Datu Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Jahfar termasuk Kanun Brunei.

Harga sa-buah ia-lah \$3.70 dan buku2 tersebut akan dapat sa-beli dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan kedai2 buku.

Belachan yang mengandungi

pewarna merbahaya

JABATAN Kesihatan Brunei telah menerima maklumat bahawa beberapa jenis belachan yang di-impor dari Malaysia di-dapati mengandungi bahan pewarna yang merbahaya terhadap kesihatan kalau di-makan dalam satu jangka yang lama.

Berikut ini ia-lah beberapa jenis belachan yang di-dapati mengandungi bahan pewarna yang merbahaya itu:

Blachan, Best Quality Bamboo Shoot Brand di-buat oleh Tang Thean Hoe, 307, Tanjong Tokong Rd. Penang; Best Blachan, Chap Udang Gerago, Seng Lee Co., No. 24, Batu Ferringhi, Penang; Tong Tim Hin, Penang Blachan, Arrow Brand; Penang Bagus Belachan (Prawn & Hand Trade Mark); Penang Belachan, Chap Sauh, di-usahakan oleh Hock Huat Chan, Kuala Kangsar, Rd., Ipoh; Belachan, Chop Yak Yang Paling Baik, Buntal, Kuching; Tay Choe Kat (Chilli Trade Mark), Bako, Kuching; A1; Blachan, Chap Udang Gerago, Seng Heng Trading Co.

Bagus Belachan, Belachan Penang yang Paling Bharu, Kian Seng Trading Co.; Belachan (Leaf Brand); Sin Yong Chong, Buntal, Kuching; Belachan Chap Ayam Hiap Huat, Buntal, Kuching; Belachan Penang (Blue Red & Yellow label), 8 slices, Arrow Trade Mark, Pembahagi 469, Batu Ferringhi, Penang; Belachan (Sailing Boat Trade Mark), Lim Hak Hin Buntal, Sarawak; Belachan (Fish Trade Mark); Belachan (Double Stick Trade Mark), Bako, Kuching; Buntal Belachan (Duck Trade Mark) dan Bagus Belachan, Kian Seng Trading Co.

PASOKAN Tutong "A" telah munchol sa-bagai johan dalam perlawanan hoki kalah mati enam orang sa-pasokan apabila ia mengalahkan Jabatan Penyiaran dan Penerangan dengan empat gol tidak berbalas di-padang Bandar Seri Begawan pada hari Ahad minggu lalu (gambar atas).

Sa-banyak 28 buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan hoki anjoran Persatuan Hoki Daerah Brunei-Muara untuk merebut piala yang di-hadiahkan oleh Pengerusi Persatuan tersebut, P.M. Shariffudin, Curator Museum Brunei yang juga telah menyampaikan hadiah2.

Pasokan badminton S'pura akan bermain dgn pasokan Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai tujuh orang pemain2 badminton dari Rose Badminton Party Singapura akan tiba di-Brunei pada 25hb. Julai ini untuk mengadakan perlawanan badminton sachara persahabatan dengan pemain2 badminton di-Bandar Seri Begawan.

Sa-buah Jawatankuasa khas badminton telah pun di-bentuk untuk mengelolakan perlawanan itu.

Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein telah di-pilih sa-bagai Pengerusi; Awang Haji Jafar bin Haji Mohamed Daud sa-bagai Setia Usaha, Awang Cheong Soon Lee Penulong Setia Usaha bagi Daerah Belait.

Pengiran Haji Mahamed bin Pengiran Badar sa-bagai Bendahari dan Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Chuchu sa-bagai Pengurus kelengkapan.

Lain2 jawatankuasa ia-lah, Awg. Haji Abdullah bin Metassan, Awg. Abdul Rahim bin Mat Wa'li, Awg. Haji bin Arshad, Pengiran Metussin bin Pengiran Haji Lampho, Awang Zainal bin Hussein serta ahli2 Persatuan Belia Sumbing dan ahli2 Persatuan Kekal.

Perlawanan badminton itu akan di-adakan pada 25hb., 27hb. dan 28hb. Julai di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan dan 29hb. Julai di-Kuala Belait.

Tiket2 menuntun berharga \$2.00 \$1.00 dan 50 sen akan di-jual tidak berapa lama lagi.

Hasil dari jualan tiket2 itu akan di-dermakan kepada Tabong Pembinaan Stadium.

Perlawanan itu juga di-adakan sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan Perayaan hari Keputeraan yang ke-27 tahun Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Perlawanan bola sepak minggu ini

SA-BANYAG 17 perlawanan akan di-jalankan minggu ini dalam siri perlawanan bola sepak anjoran Persatuan Bola Sepak Amator Negeri Brunei.

Pada hari ini, 11hb. Julai — PULIS lawan PERTANIAN, DBP lawan PGGMB dan PERKA lawan Talikom.

Pada hari Jumaat 13hb. Julai — PELAJARAN lawan TUTONG, DBP lawan PERKASA, SATRIA lawan LETRIK dan PERUBATAN lawan IBB.

Pasokan JKR akan bertemu dengan pasokan PULIS pada hari Sabtu 14hb. Julai.

Pada hari Ahad 15hb. Julai — BRC lawan DBP, PAPP lawan T.A.S. dan TUTONG lawan K.P.P.S.K.

Pada hari Isnin 16hb. Julai — IKERAB lawan PGGMB, KEKAL lawan PELAJARAN dan MUZIUM lawan M.S.S.

Semua perlawanan akan bermula pada jam 4.45 petang.

Kursus di-Sekolah Pertukangan Bangunan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiada kekosongan dalam kursus2 baru bagi mengechat dan memasang paip di-Sekolah Latehan Pertukangan Bangunan.

Hanya kursus2 yang berikut ini sahaja boleh di-ikuti mulai bulan Januari tahun depan.

Kursus2 itu ia-lah memasang batu bata, pertukangan kayu, mengechat dan menghias perkakas2 dalam bangunan.

Borang2 masuk boleh di-dapati dari peti surat 2188, Bandar Seri Begawan. Pemohon2 terdahulu pada itu mesti-lah memohon samula untuk menyertai kursus2 tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Ketua Pembantu Teknik (Radio)

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkecayaan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Calon2 hendak-lah sebaik2-nya mempunyai kelulusan hingga kaperingkat City dan Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbokti akan dianggap lebih mustahak. Pemohon2 hendak-lah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-sesuai badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2 U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB 4 — Brunei \$1000x30-1120/EB/1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Calun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutaan sa-lama 6 bulan. Kontrek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi calon yang berjaya yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutaan.

Baksis:

Bagi sa-seorang calon yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb. Julai, 1973.

Jualan Lelong

Dengan ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang2 yang tidak bertuan yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Sabtu 21hb. Julai, 1973 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Balai Pulis, Bandar Seri Begawan, Brunei:-

Bil.	Butir2	Keterangan
1.	Sa-pasang Kasut Bata baru	
2.	Satu Rantai emas	
3.	Sa-bentok chinchin emas	
4.	Satu Tong Gas Kosong	
5.	21 biji Bola Bulu Tangkis	
6.	Satu buah Perahu Engine Sangkut.	

Penangkap2 lelong yang berjaya hendak-lah membayar dengan seratus-nya memindahkan barang2 itu sa-baik2 saja lelong selesai di-jalankan. Jika barang2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut wang yang telah di bayar tidak akan di-balekkan dan barang2 itu akan di-lelong sa-mula.

DI-JABATAN BANDARAN, TUTONG

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Bandaran, Tutong.

1. PEMANDU TINGKATAN II (2 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 20 dan 40 tahun dan boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah pemandu2 yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu dan tidak pernah di-da'awa kerana kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan2 kechil.

Tugas2:

Calun2 yang berjaya di-kehendaki memandu kenderaan Jabatan dan bersedia bekerja bila2 masa di-kehendaki di-luar masa kerja yang biasa bagi Pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.3 — \$220x5-240.

2. MANDOR (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 21 dan 40 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah berkhidmat dengan Kerajaan (bergaji bulan/hari) sa-lama 5 tahun dan pernah menjadi mandor.

Sa-bagai Bilal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Bilal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Bagi Mesjid Kampong Bunut, Brunei. — (1 jawatan)

Bagi Mesjid Sungai Hanching, Brunei/Muara. — (1 jawatan)

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang tinggal dalam kawasan yang berdekatan dengan mesjid2 yang berkenaan.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah berumur antara 20 hingga 45 tahun dan mahir dalam membaca Al-Quran dan mengetahui rukun2 Islam. Mereka mesti-lah bersedia menghadapi satu peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardzu Keparah bila2 masa di-kehendaki.

Penjaga Malam

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penjaga Malam di-Jabatan Perikanan Negara, Brunei.

Umor:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 dan 40 tahun.

Tugas2:

Calun2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari jam 5.00 petang hingga 7.00 pagi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1 — \$180x5-195.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb. Julai, 1973.

Pembantu Bilek Gelap di-JHEU

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Pembantu Bilek Gelap di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 & Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur antara 18 dan 30 tahun dan lulus sekurang2-nya peperiksaan S.R.P. atau yang sa-banding dengan-nya

Gaji:

Dalam sukatan gaji U.2 — \$220x10-390-410x10-430.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, tidak lewat dari 31hb. Julai, 1973.

Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantik sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Calun2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Mereka hendak-lah sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai Amah Rumah Sakit.

Tugas2:

Calun2 yang terpilih akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2-3 EB 4 — \$200x5-215-240/EB/245x5-260.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 25hb. Julai, 1973.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2 EB 3 — \$200x5-215/EB/220x5-240.

3. PENGAWAS KECHIL (1 jawatan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 21 dan 40 tahun boleh menulis dan membaca.
- Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya telah berkhidmat dengan Kerajaan sa-lama 7 tahun (bergaji bulan/hari) dan pernah mengawas buroh2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, tidak lewat dari 29hb. Julai, 1973.

Sa-bagai Penolong

S/Usaha Baitulmal

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Penolong Setia Usaha Baitulmal di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran termasuk lulus dalam matapelajaran Ilmu Hisab, dan Darjah VI Ugama.
- Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 40 tahun dan bersedia untuk berkhidmat di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4 — \$230x10-290x15-380-410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 23hb. Julai, 1973.

Sa-bagai Kerani

Stock Simpanan

SHELL mempunyai satu kekosongan dalam Jabatan Gerakan Pembahagian di-Bandar Seri Begawan sa-bagai Kerani Stock Simpanan (Stock Clerk).

Pemohon2 mesti-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan atau penduduk2 yang berhak menjadi warga negara Brunei.

Berumur di-antara 21 hingga 30 tahun.

Lulus Sijil Persekolahan Sebarang Laut atau Sijil Persekolahan Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran ilmu hisab.

Jawatan itu melibatkan kerja2 perkeranian dan juga beberapa tugas pergerakan. Pengetahuan mengenai prinsip2 dan peratoran2 menyimpan kira2 barang stock ada-lah di-beri keutamaan.

Permohonan2 hendak-lah di-alamatkan kepada:

The Denot Superintendent,
Shell Marketing Compang of
Borneo Limited,
P. O. Box 270,
Bandar Seri Begawan.
sa-belum 16hb. Julai, 1973.



Duli Yang Maha Mulia kelihatan sedang menanam sa-pohon pokok kelapa berhampiran dengan masjid itu sa-bagai memperingati atas keberangkatan Baginda.

D.Y.M.M. menyeru raayat supaya memberikan kerjasama kpd kerajaan

(Dari muka 1)

Dengan penoh keikhlasan beta berharap semoga masjid ini akan dapat di-gunakan sebaik2-nya bersesuaian dengan hukum2 dan ajaran2 Allah Subhanahu-Wataala dan akan dapat di-jadikan tumpuan bagi amal ibadat yang salih lagi sempurna.

Dengan sebab itu ada-lah menjadi tanggung-jawab semua penduduk Mukim ini khusus-nya yang beragama Islam supaya menjaga kehormatan masjid baru yang indah ini dan menunaikan tanggung-jawab2 sa-mata2 kerana Allah bagi kebaikan dan kebajikan bersama dan untuk membolehkan Kerajaan beta menjaga keselamatan bagi faedah seluruh raayat dan penduduk negeri ini, maka ada-lah mustahak supaya penduduk2 di-setiap2 mukim akan senentiasa berhatu2 memberikan kerjasama kepada Kerajaan beta dan kepada pasokan2 keselamatan yang bertugas supaya keamanan dan ketenteraman yang kita nikmati sa-lama ini dengan izin Allah akan dapat terjamin untuk sa-lama2-nya.

Moga2 usaha dan ketabahan itu akan mendapat rahmat yang tidak berputus2-nya.

Dengan mendahulukan kalimat Bismillah-nir-rahman-nir-rahim dan dengan iringan selawat serta salam kepada junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w., beta dengan sukachita-nya merasmikan bangunan masjid baru Tanjong Maya ini."

Upacara pembukaan itu telah di-dahului dengan bacaan Quran yang di-sampaikan oleh Awang Mohamed Noor bin Haji Khatam dan di-akhiri dengan bacaan do'a selamat oleh Kadzi Besar, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Metali bin Matyassin.

Selesai sahaja upacara pembukaan itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan serta di-iringi oleh pembesar2 negara telah menunaikan sembahyang fardhu Juma'at.

Sa-belum berangkat pulang ka-Istana, Baginda telah menanam sa-pohon pokok kelapa berdekatan dengan masjid baru itu sa-bagai memperingati atas keberangkatan Baginda.

Di-antara yang hadir di-upacara pembukaan rasmi itu ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohamed Bolkih, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Sufri Bolkih, Penaschat

Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Pemangku Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, Yang Teramat Mulia Wazir2, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz, dan Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria.

Chatatan Sejarah Perwira2 Brunei terbitan DBP sudah terbit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka mengumumkan bahawa Buku Chatatan Sejarah Perwira2 Brunei Bilangan 2 telah di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dan akan di-jual kepada orang ramai. Antara lain kandungan yang tersebut dalam buku ini ia-lah:

Riwayat hidup Awang Semaun — sa-orang yang ta'at setia kepada Sultan;

Raja Bendahara Sakam — Perwira yang gagah perkasa dan berjasa kepada negara;

Sultan Hassan — Sultan yang memperkembangkan negeri Brunei dan melukis zaman Brunei yang berseimbangan di-antara pemerintahan dan adat istiadat;

BANDAR SERI BEGAWAN. — Temasha lumba perahu akan diadakan di-tiga daerah di-negeri ini sa-bagai sa-bahagian dari acara sambutan hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Perlumbaan di-Daerah Brunei-Muara akan di-adakan di-Sungai Brunei pada hari Isnin 16hb. Julai.

Dalam temasha itu nanti sa-banyak 16 acara perlumbaan perahu dan moto sangkut akan di-jalankan.

Lumba perahu 15 orang yang terbuka kepada jabatan2 kerajaan,

RAAYAT MENDESAK SUPAYA TINDAKAN2 DI-AMBIL TERHADAP GULONGAN ALI BABA

(Dari muka 1)

Pemangku Menteri Besar meyakinkan, dalam kebanyakan peluang2 yang di-berikan kepada raayat bumiputera, mereka jangan-lah menyalahgunakan kesempatan2 itu yang boleh menimbulkan sifat2 'Ali Baba' seperti yang terjadi kepada sa-tengah perusahaan bumiputera.

Yang Amat Mulia memberi mithal sebagai Bangunan Ibunda Jaya di-Bandar Seri Begawan yang pada mula-nya di-pohonkan untuk kemudahan2 perniagaan bumiputera tetapi malang-nya apa yang ada sekarang, bangunan itu di-penohi oleh bangsa2 asing sehingga hilang kepentingan asal-nya dan faedah2-nya hanya di-nikmati oleh sa-golongan kecil manusia yang maseh mengamalkan sifat 'Ali Baba'.

Sebenar-nya, Kerajaan tidak benchikan orang2 asing di-negeri ini, tetapi apa yang di-kehendaki ia-lah Kerajaan tidak begitu senang terhadap penipuan sa-golongan 'Ali Baba' yang hanya mementingkan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan dan kebajikan raayat seluruh-nya.

Pemangku Menteri Besar menyatakan, sekarang raayat telah mendesak supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap golongan 'Ali Baba' dengan harapan penyakit itu dapat di-hapuskan sama se-

kali dari menjangkit kepada satu jenerasi Brunei akan datang dalam konteks negara ini pesat membangun.

Tindakan2 tegas ka-arrah itu juga akan di-ambil sa-bagai menahat seruan raayat dan dalam hubungan itu Kerajaan yang akan menjalankan tindakan kepada siapa saja sama ada raayat bumiputera atau bukan raayat bumiputera.

Dengan tindakan itu nanti, jangan-lah ada golongan2 yang menganggap bahawa Kerajaan menjalankan tindakan2 'buku besi' tetapi apa yang sebenar-nya ia-lah untuk mempraktikkan dasar2 dan sikap yang jujur yang harus dilakukan oleh raayat sendiri.

Sementara itu Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdul Aziz ketika memberikan ulasan2 di-majlis itu telah menegaskan betapa penting-nya wang peruntukan negara di-belanjakan untuk projek2 pembangunan mustahak yang lebih berfaedah dan menguntungkan untuk kebajikan raayat.

Ketika mengulas satu pendapat dari salah sa-orang peserta di-majlis itu supaya Kerajaan membina rumah bagi menempatkan orang2 tua, orang2 chachat dan anak2 yatim, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menegaskan bahawa Kerajaan tidak-lah berminat untuk membelanjakan wang peruntukan negara bagi tujuan2 yang kurang mendatangkan faedah itu.

Yang Berhormat menegaskan, memandang kepada amalan2 hidup berkeluarga di-Brunei yang di-warisi sejak turun temurun tidak terdapat-nya orang2 chachat, orang2 tua dan anak2 yatim di-biarkan begitu saja malahan hampir keseluruhan keluarga2 di-Brunei ada-lah mempraktikkan tanggung-jawab untuk memelihara terus keluarga2 mereka yang demikian itu.

Dengan sebab itu-lah Kerajaan belum bersedia untuk membina rumah2 yang di-maksudkan itu.

Menyentuh mengenai pasar babi di-tebing Sungai Kianggeh, Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan menjelaskan bahawa Jabatan Peranchang Bandar pada masa ini sedang berusaha mencari satu kawasan yang sesuai bagi menempatkan pasar babi dan apabila kawasan itu di-perolehi, maka bangunan yang ada sekarang akan di-ruhokan.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin ketika menyentuh mengenai orang2 chachat, anak2 yatim dan orang2 tua telah menerangkan dari segi pandangan Islam bahawa anak2 di-ingatkan supaya jangan derhaka kepada ibu bapa-nya bahkan Islam menggalakkan mereka supaya terus memelihara dan berkhati kepada ibu bapa dan juga membantu orang2 yang chachat serta memelihara anak2 yatim.

Padang tidak boleh di-gunakan

DI-MAKLUMKAN kepada penjual2 di-kawasan tamu dan juga pemain2 bola sepak di-Padang Besar Bandar Seri Begawan, Padang Besar Bandar Seri Begawan tidak boleh di-gunakan sehingga di-suatu masa yang akan di-beri tahu kemudian.

serta juga terkandung di-dalam-nya:

Keturunan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Nara; dan Kanun Brunei.

Di-samping itu juga termasuk riwayat Pehin Datu Perdana Menteri Awang Haji Ibrahim bin Md. Jahfar, sa-orang pembesar negara yang banyak meninggalkan jasa.

Memandang kepada keadaan buku tersebut telah di-chetak dengan bilangan yang terhad, maka pehak yang berkehendak-nya seharusnya-lah menghubungi pehak Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei dengan sa-chepat mungkin supaya berkesempatan membeli sa-belum kehabisan.

(Berita awal di-muka 6 akhbar ini bertajuk 'Chatatan Perwira2 akan terbit' sebenar-nya buku itu sudah terbit, sila rujuk berita diatas.)

Temasha lumba perahu

lumba perahu 15 terbuka kepada penuntut2 lelaki dan lumba 20 orang bagi penuntut2 perempuan juga akan di-adakan pada hari itu.

Daerah Tutong akan mengadakan temasha lumba perahu itu di-Sungai Tutong pada hari Sabtu 21hb. Julai manakala lumba perahu di-Daerah Belait akan di-adakan di-Sungai Belait pada hari Ahad 29hb. Julai.

Borang2 masuk untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan di-Daerah Tutong boleh di-dapati dari Pengerusi perlumbaan, Awang Othman bin Uking dan Awang Mohd. Zain bin Mohd. Tajin. Borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. Julai.